

19/06/1999

Shahnon patut minta maaf

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno Perlis mendesak Datuk Shahnon Ahmad meminta maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ibunya kerana menulis buku SHIT yang mengandungi perkataan memaki dan mencarut terhadap kedua-duanya.

"Selain mereka, Shahnon juga perlu meminta maaf kepada ibunya sendiri," kata wakil Umno Perlis, Azihani Ali, ketika membahaskan usul ucapan dasar presiden pada perhimpunan agung Umno di sini semalam.

"Saya tak tahulah anak-anak berumur 70-an ibunya ada lagi atau tidak," katanya yang disambut gelak ketawa perwakilan.

"Kita orang Islam faham kalau kita buat salah mencerca orang, kita mesti minta maaf kepada orang itu. Peluang minta maaf kepada Dr Mahathir memang ada tetapi peluang meminta maaf kepada ibu-ibu ... itu dia jawab di akhirat nanti," katanya.

Beliau juga menggesa Shahnon supaya mengikuti contoh bekas aktivis Pas yang kini menjadi penceramah Umno seperti Omar Khalid dan Ghazali Ahmad yang keluar daripada Pas dan memohon maaf secara terang sambil mengakui kesalahan mereka yang lalu.

Azihani juga menggesa ahli Umno yang terpedaya dengan dakwah pembangkang berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti dan kerajaan supaya kembali kepada perjuangan sebenarnya.

Menurutnya, hanya Umno parti yang benar-benar memperjuangkan kedaulatan bangsa, agama dan negara seperti yang dibuktikan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) selama ini.

Katanya, perjuangan pembangkang seperti Pas dan KeADILan hanya untuk kepentingan tertentu seperti memenangi pilihan raya dan membebaskan idola mereka.

"Anwar tidak maksum... imam pun pernah kena tangkap basah dalam hutan getah...mereka yang masih was-was pulanglah ke pangkal jalan.

"Kekuatan Umno dan Melayu terletak kepada pemuafakatan kita," katanya.

(END)